

# Dr. Musa dilantik Naib Canselor USIM

SEREMBAN 15 Ogos - Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dilantik Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baharu, berkuat kuasa esok untuk tempoh tiga tahun.

Musa, 52, sebelum ini adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM dan



**DR. MUSA AHMAD**

pelantikan beliau mendapat persetujuan Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau menggantikan Prof Datuk Dr. Asma Ismail yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik (Stra-Comm) USIM, Mohd. Zaini Othman berkata, dengan pelantikan itu, Musa yang lahir di Panchor, Muar, Johor merupakan Naib Canselor keempat universiti berkenaan.

Musa berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) dalam jurusan Kimia (UKM, 1985), Master (Instrumentation and Analytical Science) (University of Manchester, 1987) dan PhD. (Optical Fibre Chemical Sensor) (University of Manchester, 1994).

Menurut Mohd. Zaini, kepimpinan Musa di universiti terserlah pelbagai jawatan pernah disandangnya, antaranya Koordinator Program Matrikulasi UKM (1994-1996), Ketua Program Kimia UKM (2004-2007) dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM (2009-2010), sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM pada 15 Mei 2010.

"Sebagai seorang ahli akademik, beliau amat aktif melakukan pelbagai penyelidikan dalam bidang sains, khususnya melibatkan teknologi sensor kimia dan biosensor.

"Hasilnya, pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa diterimanya seperti pingat emas di International Invention Geneva (2005), International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition (I-TEX 2008 (amp) 2007) dan Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UKM (2005)," katanya di sini. - BERNAMA